

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: 22 Ogos 2021 12:30
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: CUEPACS Hargai Penjawat Awam Jadi Sukarelawan Di PPV



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

22 OGOS 2021 / 13 MUHARAM 1443H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee
Gambar oleh: Abdul Halim Husain

CUEPACS HARGAI PENJAWAT AWAM JADI SUKARELAWAN DI PPV



UUM ONLINE: Peranan sukarelawan amat penting bukan sahaja membantu organisasi, malah negara dalam menyampaikan khidmat bakti kepada rakyat apabila diperlukan, apatah lagi tugas sukarelawan itu turut digalas oleh penjawat awam di Universiti Utara Malaysia (UUM) yang berkhidmat di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) 'Outreach' Institusi Pendidikan Tinggi (IPT).

Presiden Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS), Adnan Mat berkata, beliau berterima kasih dan mengucapkan syabas kepada UUM kerana menerima cabaran membuka PPV itu, sekali gus telah memberi sumbangan besar kepada negara untuk mencapai imuniti dengan lebih cepat, seterusnya kembali kepada kehidupan normal seperti dahulu.

Di samping itu, beliau turut menghargai pengorbanan petugas dan sukarelawan yang bersama-sama membantu untuk menangani pandemik Covid-19 ini dengan berkhidmat sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang pertama pada tahun lalu.

"Mereka adalah '*frontliners*' yang berkhidmat tanpa henti dan akhirnya turut terdedah kepada virus ini. Ini adalah bukti pengorbanan semua penjawat awam dan sehingga kini juga CUEPACS tidak pernah menerima sebarang aduan bahawa penjawat awam tidak bertugas atau tidak mahu menjalankan tanggungjawab mereka.

"Penjawat awam yang turut menjadi sukarelawan ini terus kekal menjalankan amanah untuk negara dan memberi bakti kepada rakyat supaya pandemik segera berakhir dan keadaan kembali pulih," katanya selepas melawat PPV 'Outreach' IPT UUM sempena Siri Lawatan CUEPACS Ke PPV Seluruh Negara di Dewan Mu'adzam Shah, semalam.

Pada lawatan itu, beliau turut menyampaikan sijil penghargaan kepada petugas dan sukarelawan terlibat di PPV 'Outreach' IPT UUM itu.

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Dr. Shahimi Mohtar berkata, UUM akan melakukan yang terbaik untuk membantu negara menerusi PPV tersebut dalam menghadapi pandemik ini.

Menurutnya, UUM mendapat kerjasama baik dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan CUEPACS juga untuk menjayakan PPV ini dengan hati terbuka dan semangat yang tinggi, tambahan pula PPV 'Outreach' IPT UUM telah beroperasi sejak 7 Ogos lagi pada hujung minggu termasuk 13 dan 14 Ogos lalu.

"Kita tengok semangat sukarelawan di PPV ini sangat tinggi termasuk petugas klinikal dari KKM, Pusat Kesihatan Universiti (PKU) dan juga badan bukan kerajaan (NGO) seperti MERCY Malaysia.

"In sha Allah, UUM akan berusaha dengan lebih gigih dan lebih baik lagi untuk memastikan kita dapat mencapai imuniti kelompok dengan segera dan berdoa pandemik di negara ini akan pulih seperti sedia kala," katanya yang mewakili Naib Canselor.

PPV 'Outreach' IPT UUM merupakan usaha Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

Hadir sama, sukarelawan MERCY yang juga mantan EXCO Kerajaan Negeri Kedah, Dato' Dr. Ismail Salleh; Pengarah PKU, Dr. Adi Azhar Abdul Razak; Presiden Kesatuan Kakitangan (KESKA) UUM, Ku Azmi Ku Ibrahim dan ahli jawatankuasa KESKA.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.